

30 APR 1997

Sabbaruddin-Umno

SEBANYAK 30,000 LAGI BEKAS S46 DITETAPKAN KEANGGOTAAN DALAM UMNO

KUALA LUMPUR, 30 April (Bernama) -- Kira-kira 30,000 bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) telah ditetapkan keanggotaan dalam cawangan Umno oleh bahagian-bahagian Umno sehingga hari ini -- tarikh tutup bagi bahagian-bahagian berbuat demikian.

Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik hari ini berkata, dengan pengesahan itu mereka boleh menyertai mesyuarat agung tahunan cawangan masing-masing jika cawangan terbabit belum mengadakannya selain boleh bertanding pada pemilihan parti.

Ketika bercakap kepada pemberita di pejabatnya di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, beliau berkata perkara itu telah dibincangkan dengan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan parti yang juga Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim dan telah memaklumpkannya kepada Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kita akan bawa perkara ini pada mesyuarat jawatankuasa pengurusan pada 7 Mei ini," kata Sabbaruddin, yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

Beliau berkata, jika masih ada bekas anggota S46 yang telah disahkan sebagai anggota Umno tetapi tidak ditetapkan dalam mana-mana cawangan, beliau akan mencadangkan kepada jawatankuasa pengurusan parti agar mereka dihubungi untuk memilih cawangan yang mereka ingin sertai atau keanggotaan mereka disahkan dalam cawangan mengikut alamat masing-masing.

Cawangan Umno yang berjumlah 16,109 itu diberi tempoh mulai 1 April hingga 15 Mei untuk menyelesaikan mesyuarat agung tahunan masing-masing.

Sebelum ini 10,000 bekas anggota S46, yang tidak bermasalah, diterima sebagai anggota Umno daripada sejumlah 197,000 permohonan yang diterima.

Daripada jumlah permohonan itu 65,000 permohonan terpaksa ditolak oleh Ibu Pejabat Umno kerana masalah-masalah seperti salah borang manakala 60,000 lagi permohonan dihantar balik ke bahagian-bahagian Umno untuk ditetapkan keanggotaan mereka dalam cawangan-cawangan parti.

Jumlah lebih 30,000 yang ditetapkan keanggotaan mereka dalam cawangan parti adalah bilangan yang diperolehi selepas nama-nama itu disemak.

Sabbaruddin berkata, ibu pejabat parti juga menerima beberapa aduan mengenai amalan politik wang dalam pemilihan parti peringkat cawangan sekarang termasuk tajaan lawatan ke luar negara dan pemberian hamper.

Perkara itu akan dibincangkan oleh jawatankuasa disiplin parti yang akan juga bermesyuarat pada 7 Mei ini. Jawatankuasa disiplin parti turut dipengerusikan oleh Anwar.

Mesyuarat bulanan Majlis Tertinggi Umno pula akan diadakan pada 10 Mei.

-- BERNAMA

AFY AHH